




BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 2 2021



# Sidang REDAKSI

## KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

## EDITOR



Puan Haryani  
binti Kaulan



Cik Siti Nurul  
Azzua binti Tamjis

## URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran  
bin Ashaari



Puan Syalinda binti  
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi  
bin Rimin

## GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida  
binti Zainol

## PENULIS



Encik Khalilurrahman  
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah  
binti Jamaluddin



Encik Asmawi  
bin Ahmad



Encik Adi Khirman  
bin Marji



Encik Mohd Fairus  
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza  
binti Hanifah



Puan Nur Nisha  
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah  
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina  
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal  
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin  
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad  
Shurazi bin Sukhur

# ISIKANDUNGAN

- SISTEM PAS BERNOMBOR KAWAL PENGUNJUNG BAZAR RAMADAN 3
- PPJ JUARA AKH KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN 4
- TAMAN TEMA, SAFARI BAKAL DIBINA 5
- STOR PERBADANAN PUTRAJAYA PRESINT 20 PENUHI KONSEP KOMERSIAL 6
- PPJ, KELAB MEDIA HARGAI PENGORBANAN BARISAN HADAPAN 7
- PM SEMBAH TAHNIAH SEMPENA HARI KEPUTERAAN AGONG 8
- 604 UNIT LAMPU BERMOTIF HARI RAYA SINARI PUTRAJAYA 9
- PPJ ANJUR BACAAN YASIN SECARA MAYA MOHON PERLINDUNGAN 10

## PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:  
[ppjonline@ppj.gov.my](mailto:ppjonline@ppj.gov.my)

Bahagian Komunikasi Korporat,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



[www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

# Sistem Pas Bernombor Kawal Pengunjung Bazar Ramadan Putrajaya



**B**agi memastikan *prosedur operasi standard (SOP)* bazar Ramadan terus dipatuhi, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah melaksanakan sistem pas bernombor untuk mengawal jumlah pengunjung di bazar berkenaan.

Melalui pemantauan di bazar Ramadan di Presint 3, didapati pengunjung berbaris di luar bazar seawal jam 4.30 petang dan mematuhi arahan seperti memakai pelitup muka serta mendaftar melalui aplikasi *MySejahtera* sebelum dibenarkan masuk ke bazar.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat segelintir pengunjung membawa kanak-kanak berumur bawah 12 tahun, sedangkan mereka tidak dibenarkan memasuki kawasan bazar bagi mengurangkan risiko jangkitan *COVID-19*.

Menurut Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner Mohd Fadzil Ali, pihak polis amat berpuas hati dengan situasi di dalam dan luar bazar tersebut.

Daripada pemerhatian, proses keluar dan masuk pengunjung terurus serta tidak sesak. Pihak polis turut menyediakan lapan anggota polis yang ditugaskan bagi memantau pematuan SOP, manakala empat anggota ditugaskan bagi mengawal keadaan trafik di sekitar bazar.

Pengarah Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan

Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Puan Noor Sita Abbas menyatakan sebanyak 800 pas bernombor disediakan dengan 400 masing-masing di dua pintu masuk bazar.

Idea penyediaan pas ini berdasarkan hasil pemantauan sejak hari pertama Ramadan kerana didapati pengunjung agak sesak. Maka dengan adanya sistem nombor ini, kawalan lebih lancar dan kurang kesesakan di dalam bazar.

Bagi memantapkan tahap pematuan SOP, kira-kira 30 anggota penguat kuasa PPj ditugaskan dan turut dibantu oleh anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela). Pihak PPj membuat pengumuman mengenai pematuan SOP setiap 30 minit.

Terdapat 160 gerai di tapak bazar tersebut dan bilangan pengunjung boleh mencecah sehingga 20,000 orang setiap hari.



# PPj Muncul Juara AKH Bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan

Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) adalah satu anugerah yang diwujudkan di bawah penilaian PLANMalaysia sebagai pengiktirafan di peringkat nasional kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), komuniti dan individu atas usaha dalam melaksanakan inisiatif pembangunan keajiranan hijau.

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah muncul juara dalam AKH bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menerusi penyertaan inisiatif pembangunan sistem laluan basikal dan pejalan kaki di kawasan keajiranan hijau Presint 8 yang melibatkan jajaran sepanjang 25 kilometer.

Di samping itu, PPj juga berjaya mengekalkan status Bandar Mampan Malaysia sejak tahun 2012 hingga kini apabila berada di kedudukan tiga teratas bersama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT).

Majlis penyerahan anugerah telah disampaikan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia, Dr. Shamsaini Shamsuddin kepada Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi.

PLANMalaysia telah menerima 126 permohonan dan hanya 102 layak dinilai di mana 75 PBT mencapai status mampan manakala 27 sederhana mampan.



## Perdana Menteri Tinjau Suasana Bazar Ramadan Presint 3

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin meluangkan masa daripada kesibukan kerja untuk melawat bazar Ramadan, bersebelahan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Presint 3. Beliau tiba kira-kira jam 5 petang dan mengadakan lawatan santai selama kira-kira 30 minit.

Menerusi lawatan tersebut, perdana menteri turut berkesempatan beramah mesra bersama pengunjung dan peniaga di tapak bazar selain meninjau tahap kepatuhan *prosedur operasi standard (SOP)* dalam kalangan pengunjung serta peniaga terbabit.

Pada kesempatan itu juga, perdana menteri sempat membeli lauk serta kuih-muih sebagai hidangan berbuka.

Terdapat 160 unit gerai di bazar Ramadan Presint 3 di bawah seliaan Perbadanan Putrajaya (PPj) yang menjual pelbagai juadah makanan dan minuman bermula dari jam 4 petang sehingga jam 8 malam.

Selain bazar Ramadan Presint 3, terdapat tiga lagi lokasi bazar yang disediakan PPj iaitu di Laman Perdana Presint 1, Laman Duta Presint 15 dan Food Truck Ramadan di Laman Hijau Kompleks PPj.

# Taman Tema, Safari Bakal Dibina



Pelbagai prasarana bercorak pelancongan rekreasi bakal dibina di Putrajaya dalam masa terdekat sekali gus menghidupkan pusat pentadbiran negara sehingga terkenal di seluruh dunia.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, antaranya ialah pembinaan Menara Putrajaya selain projek taman tema bersepadu dengan kawasan safari bernilai RM500 juta. Ia akan dibangunkan menerusi pelaburan daripada pihak swasta sendiri dan rancangan tersebut dapat dimulakan selewat-lewatnya menjelang akhir tahun 2021.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri taklimat pembangunan projek *Glamping @ Wetland (GL@W)*, Presint 13 di Perbadanan Putrajaya (PPJ).

Mengulas lanjut, menara yang berkemungkinan besar dapat berfungsi seperti struktur menara telekomunikasi dan tempat cerap anak bulan itu akan dibina di zon berbukit. Terdapat satu kawasan bukit yang dikenal pasti sesuai dan perancangan bukan sekadar menara tinjau pemandangan sahaja, malah banyak aktiviti yang boleh diadakan di sekitarnya.

Turut dirancang, taman tema secara berintegrasi dengan kawasan safari di Presint 19 dianggarkan kos hampir setengah bilion ringgit dan berkeluasan sekitar 65 hektar persegi. Tidak ketinggalan ialah kawasan khas perkelahan yang lebih tersusun dibuka kepada awam sepanjang masa bersebelahan Tasik Putrajaya dan mampu menjadi tarikan baharu Putrajaya.

Semua projek berskala besar tersebut akan dibina pihak pemaju swasta setelah mereka membentangkan idea dan konsep kepada PPJ untuk penilaian sebelum diluluskan.

Menteri Wilayah mahu ubah imej Putrajaya kepada bandar rekreasi pertama di Malaysia dengan orang luar boleh datang dan bukan lagi sekadar singgah sekejap untuk swafoto sahaja. Tambah beliau, sejajar usia 25 tahun Putrajaya sudah dianggap matang, namun apa yang dikesali, tiada banyak program besar dianjurkan sehingga kelihatan sunyi pada hari minggu dan cuti.

Menyentuh mengenai *GL@W* pula, projek perkhemahan glamor tersebut juga dimajukan pihak swasta dengan meniru kejayaan tapak serupa di Gopeng, Perak dan Janda Baik, Pahang. Kawasan tersebut bakal menerima tempahan awal sekitar September depan yang menawarkan pelbagai kemudahan termasuk khemah dilengkapi tilam, permaidani dan pendingin udara.

Ini akan mengubah persepsi lapuk mengenai perkhemahan dan diharap pelawat akan tinggal lebih lama di tapak perkhemahan dengan aneka aktiviti menarik bakal disediakan pihak penganjur.

Turut dirancang ialah laluan pejalan kaki dengan struktur tangga seumpama satu paksi lurus di cerun Taman Putra Perdana di Presint 1 dari Dataran Putra hingga ke Hotel Pulse Grande. Tangga berwarna-warni tersebut dengan ketinggian 30 meter dan jarak pendakian 200 meter akan menjadi laluan ikonik dan tumpuan pelancong untuk bersukan dan beriadah secara santai.



# Stor Perbadanan Putrajaya di Presint 20 Penuhi Konsep Komersial



**M**enyahut seruan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang mahu mewujudkan pertanian presisi berskala besar, Perbadanan Putrajaya (PPj) menyediakan ruangan khas di stor miliknya di Presint 20.

Perkara tersebut telah dimaklumkan oleh Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain yang turut menyambut baik perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Menurut beliau, pada masa ini PPj telah mengemukakan anggaran harga sewaan kepada pihak yang berminat dan masih menunggu maklumbalas.

Ia akan diadakan di stor Perbadanan Putrajaya Presint 20 dan PPj menunggu maklum balas dari pihak berkenaan (pelabur). Pelabur yang terlibat bagi projek ini adalah satu syarikat swasta.

Mengulas lanjut berkenaan pertanian presisi itu, Muhammad Azmi memberitahu, konsep pertanian yang diutarakan Menteri Wilayah Persekutuan adalah pertanian moden berasaskan '*internet of thing (IOT)*'. Jelas beliau, ia akan berasaskan teknologi maklumat dan peralatan moden.

Sebelum ini, Menteri Wilayah menyatakan KWP akan mewujudkan pertanian presisi (*precision farming*) berskala besar yang menggunakan teknologi moden seperti fertigasi dan hidroponik di Putrajaya, tahun ini.

Tawaran pekerjaan bagi konsep pertanian baharu itu juga akan mengutamakan kelompok gelandangan berbanding pekerja asing bagi membolehkan mereka menjana pendapatan.



# Perbadanan Putrajaya, Kelab Media Hargai Pengorbanan Barisan Hadapan

**P**erbadanan Putrajaya (PPj) bersama Kelab Media Putrajaya telah menyantuni petugas barisan hadapan sempena bulan Ramadan. Sebanyak 370 pek makanan disediakan bagi program singgah sahur dan berbuka untuk petugas barisan hadapan yang terdiri daripada anggota bomba dan polis serta petugas kesihatan.

Program yang bermula seawal jam 3 pagi dengan mengagihkan juadah sahur kepada anggota bomba dan majlis singgah sahur bersama polis yang bertugas di sekatan jalan raya. Presiden PPj Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain berkata program sebegini adalah pertama kali dianjurkan bersama Kelab Media Putrajaya bagi menghargai pengorbanan barisan hadapan yang cekal menjaga keselamatan masyarakat daripada pandemik *COVID-19*.

Program ini adalah untuk menghargai jasa petugas barisan hadapan yang sentiasa bertugas tanpa mengira siang dan malam bagi memastikan pandemik *COVID-19* dapat dikawal dan dibendung, katanya selepas mengagihkan pek makanan kepada petugas kesihatan di Hospital Putrajaya. Beliau berkata pengorbanan petugas kesihatan ketika pandemik *COVID-19* amat dihargai dalam usaha memastikan situasi di India tidak berlaku di Malaysia. Selain itu, mereka juga sangat komited dan bersungguh-sungguh memastikan pesakit *COVID-19* yang terjejas dan dalam tempoh kuarantin terus diberi sokongan.

Hadir sama, Naib Presiden Kanan Jabatan Perkhidmatan Korporat PPj, Datuk Azizi Ahmad Termizi dan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Tengku Aina Tengku Ismail Shah.

Ketua Polis Daerah Putrajaya ACP Mohd Fadzil Ali pula merakamkan ucapan terima kasih kepada PPj dan Kelab Media atas keprihatinan mereka yang turun padang untuk melihat keadaan anggota polis yang bertugas dalam suasana pahit perit.

Program ini amat bermakna bagi anggota polis kerana ia akan menaikkan lagi semangat mereka yang bertugas di lapangan. Timbalan Pengarah (Pengurusan) Hospital Putrajaya, Nur Hazwani Rabuan pula berkata sumbangan 200 pek makanan tersebut akan menaikkan semangat petugas kesihatan. Pek makanan berbuka diagihkan kepada petugas kesihatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma, penolong pegawai perubatan, petugas di wad dan vaksinator. Ini memberi semangat kepada mereka ketika situasi ini semakin getir.

# PM Sembah Tahniah Sempena Hari Keputeraan Agong



**P**erdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mewakili seluruh rakyat Malaysia merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda.

Berkongsi ucapan di Facebook, Perdana Menteri berkata, beliau dan seluruh rakyat turut mendoakan Al-Sultan Abdullah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta kaum kerabat Seri Paduka Baginda berdua. "Patik sekalian mendoakan semoga ALLAH SWT terus menganugerahkan KDYMM Tuanku kekuatan dan keberkatan untuk terus kekal bersemayam di atas Singgahsana Takhta Pemerintahan dengan penuh kebesaran, kedaulatan dan kesejahteraan," katanya.

Perdana Menteri turut berkata, beliau dan seluruh rakyat jelata juga berdoamudah-mudahan Seri Paduka Baginda Berdua serta

semua putera, puteri dan seluruh Kerabat Diraja sentiasa berada dalam lingkungan dan rahmat Allah, dilanjutkan usia serta berada dalam keadaan sihat walafiat selama-lamanya.

Sebelum ini dilaporkan bahawa Yang di-Pertuan Agong berkenan menangguhkan semua acara sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi ke satu tarikh yang lain setelah mengambil kira faktor keselamatan, kesihatan dan demi melindungi nyawa rakyat ekoran pandemik *Covid-19*.

Dalam pada itu, perdana menteri turut menyentuh mengenai pelaksanaan sekatan pergerakan penuh yang sedang dilaksanakan kerajaan kini bagi melandaikan lengkung jangkitan *Covid-19*.

Insyallah dengan segala usaha yang sedang dijalankan kerajaan dalam melawan pandemik *COVID-19* ini akan memperoleh kejayaan jua atas limpah perkenan dan naungan KDYMM Tuanku.

**Dirgahayu Tuanku, Daulat Tuanku. Menjunjung kasih Tuanku.**



# 604 Unit Lampu Bermotif Hari Raya Sinari Putrajaya



Tahun ini merupakan tahun yang kedua umat Islam menyambut Syawal dalam suasana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun ini bukanlah menjadi alasan untuk tidak meraikan kedatangan bulan yang mulia ini. Sungguhpun ramai yang berduka kerana tidak dapat pulang ke kampung namun bulan yang penuh berakah ini tetap diraikan dengan penuh kemeriahan oleh semua umat Islam khususnya.

Di Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dilimpahi dengan sinaran lampu-lampu bermotifkan hari raya yang menarik seperti lampu berbentuk ketupat, bintang, bulan, bangunan ikonik kerajaan dan sebagainya.

Pemasangan lampu-lampu menarik ini dilakukan bagi mewujudkan perasaan teruja warga Putrajaya untuk menyambut Syawal. Lampu-lampu ini dipasang sejak permulaan Ramadan lagi sehingga alhir bulan Syawal. Selain di jalan-jalan utama Pusat Pentadbiran Kerajaan, pemasangannya juga meliputi bahagian yang mempunyai ramai penduduk.

Pemasangan lampu bermotif hari raya ini mula dilaksanakan sejak tahun 2019 lagi. Pada ketika itu ia merupakan projek perintis, namun pada tahun 2020 ketika negara mula

dilanda virus *COVID-19* maka Perbadanan Putrajaya terus melaksanakannya dengan memasang sebanyak 382 unit lampu.

Pada tahun 2021 pula, PPj telah menambah bilangan unit lampu kepada 604 unit bagi memberikan kesan kemeriahan yang lebih lagi kepada warga Putrajaya yang tidak dapat pulang ke kampung halaman masing-masing.

Pada sambutan Aidilfitri akan datang, PPj berhasrat untuk menghiasi Putrajaya dengan hiasan lampu-lampu yang merintangi jalan raya sepertimana yang dilakukan di bandaraya Kuala Lumpur dan Geylang Serai, Singapura yang sangat menarik dan meriah.



# Perbadanan Putrajaya Anjur Bacaan Yasin Secara Maya Mohon Perlindungan



**P**erbadanan Putrajaya (PPj) telah mengambil inisiatif menganjurkan Majlis Bacaan Yasin, Doa Selamat dan Tadabbur Surah Yasin Peringkat Putrajaya secara maya bagi mendepani pandemik COVID-19 yang masih tidak berkesudahan.

Program yang julung kali diadakan pada 1 Julai 2021 turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), masjid-masjid dan surau-sarau di Putrajaya.

Program yang diadakan tepat jam 7.45 malam adalah bertujuan untuk memohon perlindungan daripada Allah S.W.T agar Malaysia dan Putrajaya khususnya diakhiri segera daripada pandemik *COVID-19*.

Secara tidak langsung juga, program ini turut mendoakan kesejahteraan kepada barisan hadapan serta diberi kekuatan untuk terus berjuang mendepani pandemik demi kesembuhan pesakit.

Program bacaan yasin ini dipancarkan melalui laman *Facebook PPj* dan Jakim yang diimamkan oleh Imam Besar Masjid Putra, Ikmal Zaidi Hashim. Selesai bacaan yasin, imam juga akan memberi kefahaman tentang maksud surah yasin secara terperinci supaya semua memahami dengan lebih jelas maksud surah tersebut.

Dalam masa yang sama, program bacaan yasin ini turut disertai oleh Masjid eGara. Orang ramai juga turut serta Bersama-sama menjayakan program bacaan yasin ini terutamanya masyarakat komuniti Putrajaya sendiri.